

Komunikasi Berkesan Menerusi Pembelajaran Berasaskan Masalah dalam Kursus Pendidikan Islam di Institusi Pengajian Tinggi

ALIFF NAWI

Universiti Utara Malaysia

GAMAL ABDUL NASIR ZAKARIA

Universiti Brunei Darussalam, Brunei

NORKHAIRIAH HASHIM

Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Brunei

ABSTRAK

Komunikasi merupakan suatu proses penting dalam kehidupan manusia seharian. Melalui proses komunikasi ini, manusia dapat berkongsi maklumat dan bersosial antara satu sama lain. Dalam bilik darjah, komunikasi merupakan proses yang paling kerap berlaku antara guru dan pelajar. Proses komunikasi ini berlaku secara berterusan dan perlu dilaksanakan dengan berkesan bagi memastikan mesej yang ingin disampaikan dapat diterima dengan jelas, difahami dengan baik dan mencapai objektif pembelajaran sebagai mana yang dirancang oleh guru. Kajian ini bertujuan untuk meneroka komunikasi berkesan menerusi Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) dalam kursus Pengajian Islam di salah sebuah institusi pengajian tinggi di Negara Brunei Darussalam. Terdapat dua kumpulan yang terlibat dalam kajian, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Kumpulan eksperimen merupakan kumpulan yang melalui proses pengajaran dan pengajaran dengan menggunakan pendekatan komunikasi menerusi PBL dalam bilik darjah. Manakala kumpulan rawatan merupakan kumpulan yang menjalani proses pengajaran dan pembelajaran secara lazim. Bagi mendapatkan data, temu bual secara kumpulan fokus dijalankan di mana kedua-dua kumpulan terlibat dalam memberikan maklum balas mengenai pembelajaran masing-masing. Hasil dapatan kemudiannya dianalisis secara tematik menggunakan perisian Nvivo. Dapatan menunjukkan bahawa komunikasi berkesan menerusi PBL dapat memberikan pengalaman pembelajaran yang berbeza berbanding dengan sesi pembelajaran secara lazim. Bagaimanapun, tiada perbezaan dari aspek kefahaman kerana kedua-dua kumpulan dapat memahami dengan baik setiap topik pembelajaran. Implikasi kajian ini secara langsung dapat memperkembangkan keberkesanan pengajian Islam dalam menerapkan nilai, meningkatkan kepuasan pembelajaran, dan pembinaan akhlak.

Keywords: *Komunikasi, PBL, pengajian Islam, institusi pengajian tinggi, Brunei.*

Effective Communication Through Problem-Based Learning in Islamic Education Course at the Higher Institute of Education

ABSTRACT

Communication is an important process that enables humans to exchange information and socialize with one another. It is the most frequent process taking place in a classroom. For teachers to effectively deliver a message as well as to achieve the learning objectives, the communication process should be done continuously and effectively. The objective of this research is to evaluate the effectiveness of communication through Problem Based Learning (PBL) for Islamic Education in one of

the Higher Education Institutes in Brunei Darussalam. There are two groups of people involved in this research which are the experimental group and the controlled group. The experimental group consists of those undergoing the PBL process while the controlled group consists of those undergoing a normal learning process. Both groups have been interviewed to get their feedback regarding the learning process. The data collected from the interviews are analyzed thematically using Nvivo software. The result of the analysis shows that effective communication through PBL has given the students different learning experience compared to the normal learning session. However, there is no difference in terms of understanding as students from both groups can understand the topics that they have learned. This research has indirectly contributed to the effectiveness of Islamic Education in instilling positive values and attitudes as well as providing learning satisfaction to the students.

Keywords: *Communication, PBL, Islamic education, higher institute of education, Brunei.*

PENGENALAN

Islam menerima apa jua cara, pendekatan atau kaedah berkomunikasi dalam menyampaikan agama selagi mana ianya tidak bertentangan dengan syariat agama. Islam meraikan pendekatan atau kaedah komunikasi yang dapat diguna pakai bagi tujuan untuk memberi manfaat kepada ummah. Dalam konteks pendidikan, Islam tidak menetapkan atau mengkhususkan mana-mana kaedah berkomunikasi yang perlu diamalkan oleh para pendidik. Namun, Islam memberi kebebasan kepada pendidik agar bijak memilih kaedah berkomunikasi yang dapat meningkatkan tahap kefahaman pelajar sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Menurut Kamarul Azmi dan Ab Halim (2010), Nabi Muhammad telah menggunakan pelbagai kaedah dan cara dalam berkomunikasi untuk menyampaikan ajaran Islam. Mereka telah mengemukakan hampir belasan cara berkomunikasi baginda dalam memberi didikan kepada para sahabat. Antara komunikasi yang dikemukakan termasuklah menggunakan ayat yang jelas, penggunaan ayat yang mudah, memberi galakan dan ancaman, memberi suruhan dan tegahan, menyampaikan syarahan, bercerita, menggunakan metafora, melakukan isyarat, menggunakan lakaran pada tanah, melalui *uswah hasanah* dan sebagai agen penyebaran pengetahuan. Ini menunjukkan bahawa komunikasi yang digunakan oleh baginda adalah pelbagai dan tidak terhad kepada cara-cara tertentu sahaja.

Selain itu, kajian Cholid (2009) terhadap Kitab hasil karangan al-Qurasyi iaitu *Tarbiyah al-Nabi Liashabih* turut mendapati bahawa Nabi telah mempelbagaikan cara komunikasi dalam menyampaikan ajaran Islam. Menurut beliau, hasil dari analisis dalam kitab berkenaan telah menemui sebelas bentuk komunikasi yang utama sering baginda gunakan semasa menyampaikan dakwah. Antara bentuk komunikasi yang digunakan adalah secara dialog, kasih sayang, lemah lembut, perumpamaan, contoh tauladan, galakan dan ancaman (*targhib wa tarhib*), bercerita, mengaitkan kepada sejarah atau peristiwa yang lepas, menimbulkan rasa ingin tahu, memberi peluang berehat seketika sebelum meneruskan pengajaran yang baru, sering memberi perhatian terhadap aspek kefahaman dan mempelbagaikan contoh amalan kebaikan yang dapat dicontohi.

Al-Qurasyi turut menyimpulkan bahawa komunikasi baginda sering memberi penumpuan yang tinggi terhadap pengajaran akidah yang sebenar, *tazkiyah al-nafs* (penyucian jiwa), keseimbangan dalam ilmu dan amalan, mengajarkan ilmu dan berdakwah, menjaga kesihatan jasmani dan akal serta bijaksana ketika menghadapi masalah. Selain itu juga, kaedah *al-Qudwah*, penegasan dan *Targhib wa tarhib* merupakan bentuk komunikasi yang umum digunakan oleh Nabi dalam pengajarannya. Keberkesanan komunikasi

pengajaran baginda ketika awal menyampaikan ajaran agama turut dikemukakan dengan penuh kasih sayang sehingga terjalannya rasa cinta para sahabat kepada baginda. Oleh yang demikian, bentuk komunikasi yang berkesan perlu dipelbagaikan dalam pengajaran dan pemilihan bentuk komunikasi perlulah bersesuaian dengan pendengar dan apa kandungan yang ingin disampaikan.

PERNYATAAN MASALAH

Kajian-kajian lepas banyak menunjukkan bahawa guru agama cuba untuk mempelbagaikan bentuk komunikasi yang berkesan semasa pengajaran dalam bilik darjah (Ab. Halim & Mohamad, 2010; Aliff & Isa, 2013; Kamarul et al., 2009), namun di atas beberapa kekangan dan masalah yang dihadapi, pilihan bentuk komunikasi secara syarahan atau kuliah masih popular dan diamalkan dalam kalangan mereka. Kekurangan bahan dan panduan pengajaran bagi guru turut memberi kesan negatif terhadap penggunaan komunikasi yang berkesan oleh guru (Mohd Isa, 2007) terutamanya dalam kalangan guru novis atau guru pelatih (Nawi et al., 2015). Mereka turut tidak menafikan bahawa wujudnya pelbagai bentuk panduan pengajaran yang dibekalkan kepada guru terutamanya guru novis, bagaimanapun kebanyakannya sukar disesuaikan dan tidak menepati dengan silibus yang disediakan.

Selain itu, lambakan beban tugas guru juga memberi impak yang negatif terhadap keberkesanan komunikasi guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Kajian Abdull Sukor et al. (2006) dan Zakaria et al. (2014) mendapati bahawa guru dibebani dengan pelbagai tugas di sekolah seperti tugas perkeranian, fasilitator, motivator, perancang, penasihat kokurikulum, pemimpin kelab, persatuan unit beruniform, jurulatih sukan, dan guru data. Hal ini sudah pasti dapat menjejaskan pemilihan komunikasi yang berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Tambahan juga, kajian Zakaria et al. (2015) turut mendedahkan bahawa kekangan masa yang dihadapi oleh guru dapat mempengaruhi kesan yang negatif terhadap persediaan dalam pengajaran termasuklah membuat rujukan dalam pengajaran.

Ekoran dari senario yang digambarkan ini, para guru lebih cenderung untuk memilih komunikasi secara syarahan dan kuliah disebabkan dengan pelbagai kekangan dan masalah yang ditimpa oleh mereka. Pemilihan bentuk komunikasi ini juga disebabkan oleh guru sendiri yang mempunyai pengalaman diajar dan terdidik melalui kaedah yang sama (Ab. Halim et al., 2010). Maka, ianya menjadikan guru sudah terbiasa untuk mengaplikasikan bentuk komunikasi ini tanpa perlu memikirkan bentuk komunikasi berkesan yang lain dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran.

Bagaimanapun, penggunaan komunikasi dalam bentuk syarahan dan kuliah sebenarnya merupakan salah satu komunikasi yang berkesan jika dilaksanakan mengikut cara yang sistematik. Penggunaan kaedah ini perlu menitikberatkan kefahaman pendengar terhadap apa yang mahu disampaikan dan bukan kepada tempoh syarahan atau kuliah yang diberikan (Ab. Halim et al., 2010). Hakikatnya, komunikasi secara kuliah dan syarahan ini merupakan salah satu komunikasi berkesan yang telah digunakan oleh Rasulullah s.a.w dalam menyampaikan ajaran Islam. Komunikasi yang berkesan ini telah mengaplikasikan dalam tempoh yang terhad dan tidak mengambil masa yang terlalu panjang (Shahrin, 1998). Di dalam al-Quran, Allah telah mengingatkan baginda untuk menggunakan pelbagai cara yang baik dan bermanfaat dalam menyeru manusia ke jalan yang benar. Sebagaimana di dalam surah An-Nahl, Allah berfirman;

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِّ لَهُمْ
بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ
أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿١٢٥﴾

“Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik sesungguhnya Tuhanmu, Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah pertunjuk....”

(Surah An-Nahl, 16: 125)

Sejarah turut telah mencatatkan bahawa semasa perhimpunan haji al-wada', Nabi telah menggunakan komunikasi berkesan semasa menyampaikan khutbah yang dihadiri oleh puluhan ribu manusia. Menurut Salahudin et al. (2006), komunikasi secara syarahan yang disampaikan oleh baginda adalah jelas dan dapat didengari kerana pemilihan tempat sesuai yang dapat menempatkan *transmitter* secara strategik bagi melaungkan kembali suara baginda agar setiap yang hadir dapat mendengar ucapan yang diberikan. Hal ini menunjukkan bahawa baginda telah memilih pendekatan komunikasi yang berkesan dan bersesuaian dengan keadaan pendengar bagi menangani kekangan perkembangan manusia pada ketika itu.

TINJAUAN LITERATUR

Komunikasi berkesan menerusi pembelajaran berasaskan masalah (PBL) secara awalnya telah dipopularkan oleh Howard Barrows dan beberapa rakannya di Sekolah Perubatan, Universiti McMaster di Hamilton, Ontario, Canada (Neville, 2009). Pada mulanya, PBL hanya digunakan di McMaster University, Kanada pada tahun 1980 (Barrows & Tamblyn, 1980) kemudian tersebar ke seluruh dunia termasuklah Amerika Syarikat, United Kingdom, Denmark, Finland, Perancis, Afrika dan Sweeden (Savin-Baden & Major, 2004). Kemudian, setelah PBL terbukti dapat memberi manfaat seperti merangsang pembelajaran pelajar, menjana idea dan memotivasikan pelajar untuk berfikir, PBL telah diperluaskan ke dalam pelbagai bidang termasuklah dalam bidang pendidikan (Barrows & Tamblyn, 1980).

Dalam konteks agama Islam, komunikasi berkesan menerusi PBL telah lama diamalkan pada zaman baginda. Hal ini dapat difahami melalui hadis yang telah direkodkan di dalam pelbagai kitab sejarah (Aliff, 2017). Baginda telah menggunakan komunikasi yang berkesan menyerupai cara PBL dalam memberi permasalahan, bersoal jawab dan merangsang para sahabat untuk berfikir bagi mendapatkan jawapan. Di dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad, datang seorang sahabat meminta izin daripada Nabi untuk melakukan perzinaan. Baginda tidak melarang secara terang, sebaliknya menggunakan pendekatan menyoal semula dengan memberikan satu senario balas. Baginda lalu mengajukan tiga soalan kepadanya, iaitu; jika datang pemuda meminta izin untuk berzina dengan ibunya, saudara perempuannya ataupun anak perempuannya, adakah beliau akan mengizinkannya? Ketiga-tiga soalan dijawab dengan tidak. Selepas memahami situasi yang digambarkan oleh baginda, beliau terus insaf lalu sujud memohon keampunan dari Allah.

Wan Ali dan Nursafra (2011) menjelaskan bahawa senario yang berlaku di atas bukan sahaja menyebabkan sahabat yang bertanya itu akur dengan larangan zina, namun juga sedar akan dosa jika melakukan zina. Inilah komunikasi berkesan menerusi PBL secara tidak langsung telah diimplemenkan dan memberi banyak manfaat yang menyebabkan pesalah berfikir terlebih dahulu sebelum melakukan sebarang perkara mungkar. Di dalam hadis lain, penggunaan komunikasi berkesan menerusi PBL turut dikemukakan dengan menimbulkan satu senario. Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Baginda bersabda;

“Tahukah kamu, siapakah orang yang muflis?”. Para sahabat lantas menjawab: “Dalam kalangan kami, muflis itu adalah seorang yang tidak mempunyai dirham dan harta benda”. Nabi bersabda: “Muflis di antara umatku itu ialah seseorang yang kelak di hari kiamat datang lengkap dengan membawa pahala ibadah solaytnya, ibadah puasanya dan ibadah zakatnya. Di samping itu dia juga membawa dosa berupa makian pada orang ini, menuduh yang ini, menumpahkan darah yang ini serta menyiksa yang ini. Lalu diberikanlah pada yang ini sebagian pahala kebajikannya, juga pada yang lain. Sewaktu kebajikannya sudah habis padahal dosa belum terselesaikan, maka diambillah dosa-dosa mereka itu semua dan ditimpakan kepada dirinya. Kemudian dia dihempaskan ke dalam neraka...”

(Hadis Riwayat Muslim)

Di dalam hadis di atas, jelas menunjukkan bahawa berlakunya komunikasi berkesan menerusi PBL dengan adanya senario yang diberikan dan soal jawab antara Nabi dan para sahabat tentang satu keadaan yang telah Nabi gambarkan iaitu “orang yang muflis di akhirat kelak”. Terdapat juga banyak hadis-hadis yang lain menunjukkan bahawa kaedah PBL ini sememangnya telah diamalkan oleh Nabi semasa hayat baginda ketika menyampaikan risalah Islam. Selain dari hadis, Al-Quran sendiri telah diwahyukan dalam bentuk senario yang boleh dikatakan sama dengan kaedah PBL. Sebagai contohnya, di dalam surah Al-Anbiya', Allah telah menceritakan bagaimana satu senario di mana telah dialami oleh dua orang Nabi semasa menyelesaikan masalah berkaitan dengan tanaman dan kambing. Di dalam ayat berkenaan, Allah berfirman;

وَدَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ إِذْ يَحْكُمَانِ فِي الْحَرْثِ إِذْ نَفَسَتْ فِيهِ غَنَمُ
الْقَوْمِ وَكُنَّا لِحُكْمِهِمْ شَاهِدِينَ

“Dan Daud dan Sulaiman, di waktu keduanya memberikan keputusan mengenai tanaman, kerana tanaman itu dirosak oleh kambing-kambing kepunyaan kaumnya. Dan adalah Kami menyaksikan keputusan yang diberikan oleh mereka itu.”

(Surah Al-Anbiya', 21: 78)

Di dalam ayat di atas, Asy-Sya'rawi (2013) menjelaskan bahawa kalimah (*yahkuman*) pada ayat di atas menunjukkan bahawa wujud satu pertikaian dalam memberikan keputusan tentang masalah yang berlaku berkaitan dengan tanaman. Kisah ini bermula apabila seorang pengembala kambing lalai untuk menjaga ternakannya iaitu kambing yang menyebabkan

kambing berkenaan memasuki satu kebun tanaman, serta makan tanaman berkenaan sehingga merosakkan hampir kesemua tanaman berkenaan. Asy-Sya'rawi (2013) turut menambah bahawa pemilik kebun telah membawa isu ini kepada Nabi Daud untuk mendapatkan ganti rugi kerana kerosakan tanaman di kebun yang dimilikinya. Apabila Nabi Daud diberitahu berkaitan hal ini, Nabi Daud memutuskan supaya pengembala kambing memberikan kambing yang merosakkan tanaman tersebut kepada pemilik kebun sebagai ganti rugi. Ketika pengembala kambing dan pemilik kebun menuju keluar dari tempat Nabi Daud, mereka telah bertemu dengan anak Nabi Daud iaitu Nabi Sulaiman. Pada masa itu, Nabi Sulaiman berumur 21 tahun dan belum lagi dilantik menjadi Nabi.

Apabila perkara ini dijelaskan kepada Nabi Sulaiman, baginda tidak menyatakan bahawa keputusan yang diberikan adalah zalim dan salah. Namun menurut Asy-Sya'rawi (2013), keputusan yang diambil oleh Nabi Daud berkemungkinan atas sebab tukaran nilai ganti rugi iaitu kerosakan tanaman di kebun dengan nilai seekor kambing. Maka, baginda memutuskan hal sedemikian. Namun, Nabi Sulaiman telah menyatakan bahawa "Sebenarnya ada jalan penyelesaian yang lebih sesuai bagi masalah ini." Ketika baginda menyatakan hal ini, baginda telah pergi menemui Nabi Daud yang telah awal menyatakan keputusan berkaitan masalah berkaitan tanaman dan kambing. Lalu, Nabi Daud telah bertanya kepada Nabi Sulaiman, "Apakah penyelesaian yang paling sesuai berkaitan dengan masalah ini?" Nabi Sulaiman terus menjawab, "Kita seharusnya memberikan kambing kepada pemilik kebun dan dia boleh mengambil manfaat dari kambing (susu dan kulit). Manakala kebun itu pula perlu diserahkan kepada pemilik kambing untuk menanam semula tanaman dan dijaga sehingga tanaman berkenaan menghasilkan buah seperti sedia kala seperti mana sebelum kambing merosakkan kebun berkenaan. Maka pada masa itu, kebun berkenaan perlu diserahkan kepada pemiliknya dan pengembala berkenaan dapat mengambil kembali kambingnya (Asy-Sya'rawi, 2013).

Akhirnya, cadangan Nabi Sulaiman yang pada masa itu masih kecil diterima dan diguna pakai. Kisah ini diakhiri dengan pujian dari Allah walaupun mereka telah berkhilaf mengenai penyelesaian yang perlu diberikan. Walau bagaimanapun, kedua-dua Nabi ini dipuji oleh Allah kerana cuba menyelesaikan masalah yang telah terjadi. Sebagaimana firman Allah di dalam surah Al-Anbiya' ayat 79:

فَفَهَّمْنَاهَا سُلَيْمَانَ ۗ وَكُلًّا ءَايَيْنَا حُكْمًا وَعِلْمًا وَسَخَّرْنَا مَعَ دَاوُدَ
الْجِبَالَ يُسَبِّحْنَ وَالطَّيْرَ وَكُنَّا فَاعِلِينَ ﴿٧٩﴾

"Maka Kami beri Nabi Sulaiman memahami hukum yang lebih tepat bagi masalah itu; dan masing-masing (dari mereka berdua) Kami berikan hikmat kebijaksanaan dan ilmu (yang banyak); dan Kami mudahkan gunung-ganang dan unggas memuji Kami bersama-sama dengan Nabi Daud; dan adalah Kami berkuasa melakukan semuanya itu..."

(Surah Al-Anbiya', 21: 79)

Inilah contoh komunikasi berkesan menerusi PBL yang jelas telah digunakan dan berlaku sejak 1400 tahun yang lampau. Walaupun istilah PBL itu lahir kemudian, namun komunikasi yang berkesan termasuklah teknik, kaedah dan cara yang sama telah lama wujud

dan telah pun digunakan pada zaman awal kebangkitan Islam. Kaedah berkomunikasi berkesan ini telah diaplikasikan oleh Nabi dalam usaha untuk menyampaikan dakwah dan pada masa yang sama, tidak menafikan istilah PBL pertama kalinya telah digunakan oleh pihak Barat pada tahun 1980. Jadi, secara rasminya penggunaan PBL adalah hak milik mereka kerana telah melakukan kajian secara saintifik berkaitan dengan keberkesanan kaedah PBL ini. Dalam hal ini, Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam sering mengingatkan orang Islam supaya dapat mengambil peluang untuk mendapatkan apa jua manfaat dan kebaikan, walaupun pada orang yang bukan Islam. Sabda Baginda di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Majah:

الحكمة ضالة المؤمن فأنى وجدها وهو أحق بها

Kebijaksanaan adalah barang terdicir kepunyaan seseorang yang beriman, maka di mana sahaja dia mendapatinya, dialah yang berhak memungutnya.

(Riwayat Ibn Majah)

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini sebenarnya merupakan dapatan sebahagian kecil dari kajian pembinaan modul berasaskan PBL dalam kursus Pengajian Islam di salah sebuah institusi pengajian tinggi di negara Brunei Darussalam. Dalam kajian ini, hanya kaedah kualitatif digunakan di mana dapatan secara temu bual sahaja dipersembahkan. Sebanyak dua kumpulan berfokus (3 orang dari kumpulan eksperimen dan 3 orang dari kumpulan kawalan) terlibat dalam kajian. Kumpulan eksperimen merupakan kumpulan pelajar yang melalui pembelajaran dengan menggunakan kaedah komunikasi secara PBL manakala kumpulan kawalan merupakan kumpulan pelajar yang melalui pembelajaran secara biasa di dalam bilik darjah. Kedua-dua kumpulan melalui pembelajaran pada tempoh yang sama iaitu sepanjang satu semester.

Temubual ini dijalankan berpandukan kepada protokol temu bual dan dirakam secara audio. Hasil dapatan kemudiannya dianalisis secara tematik menggunakan perisian Nvivo bagi menginterpretasikan makna di sebalik tema yang diperolehi secara mendalam selaras dengan matlamat persoalan kajian.

Perbincangan analisis dibuat dengan memasukkan pengalaman dan pandangan pelajar seperti yang disarankan oleh Yin (2009). Bagi memudahkan pemahaman dari temubual yang dijalankan, kod-kod di bawah digunakan dalam keseluruhan laporan hasil temu bual yang telah dijalankan terhadap pelajar kumpulan eksperimen (PKE) dan pelajar kumpulan kawalan (PKK).

Jadual 1: Kod Keterangan

Kod	Keterangan Kod
PKE1	Temu bual dengan pelajar dari kumpulan eksperimen 1
PKE2	Temu bual dengan pelajar dari kumpulan eksperimen 2
PKE3	Temu bual dengan pelajar dari kumpulan eksperimen 3
PKK1	Temu bual dengan pelajar dari kumpulan kawalan 1
PKK2	Temu bual dengan pelajar dari kumpulan kawalan 2
PKK3	Temu bual dengan pelajar dari kumpulan kawalan 3

Dari temu bual secara berfokus yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat tiga tema utama yang dapat dikenalpasti. Ketiga-tiga tema utama berkenaan adalah; 1) Maklum balas terhadap kursus, 2) Kesan terhadap diri; dan 2) Isu dan masalah yang dihadapi

dalam pengajaran dan pembelajaran. Tema dan sub-tema keseluruhan hasil dari analisis temu bual dapat dilihat melalui dapatan di bawah.

DAPATAN KAJIAN

Terdapat empat tema besar yang diperoleh dalam kajian ini. Tema tersebut ialah maklum balas terhadap penggunaan komunikasi berkesan menerusi PBL ialah keberkesanan penggunaan komunikasi berkesan dalam kursus Pengajian Islam terhadap pelajar, isu dan masalah yang dihadapi dalam kursus dan cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bagi kursus Pengajian Islam.

Maklum balas Terhadap Kursus Pengajian Islam

Terdapat beberapa maklum balas yang diberikan oleh para pelajar semasa menjalani kursus Pengajian Islam sepanjang satu semester di Politeknik. Pengkaji mendapati bahawa terdapat empat sub tema yang dapat dibentuk bagi kedua-dua kumpulan, iaitu kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan. Sub-sub tema berkenaan adalah, 1) pemupukan nilai; 2) kepuasan diri, dan 3) pengajaran berkesan. Walaupun keempat-empat sub-tema ini dapat dibentuk dari kedua-dua kumpulan, namun aspek-aspek yang terdapat di dalam tema ini mempunyai sedikit perbezaan. Secara umumnya, tema dan sub-tema bagi maklum balas kedua-dua kumpulan dapat dilihat menerusi Jadual 2 di bawah.

Jadual 2: Tema Utama dan Sub Tema Analisis Temu bual berkaitan maklum balas terhadap kursus

Bil	Tema Utama	Sub Tema	Keterangan	Kumpulan Eksperimen	Kumpulan Kawalan	
1.			Bekerjasama	√	√	
		Pemupukan	Penglibatan pelajar (aktif)	√	√	
		Nilai	Maklumbalas dari rakan (bantu)	√	√	
			Perbincangan	√	√	
	Maklum balas terhadap kursus	Kepuasan Diri	Masa mencukupi	√	X	
			keyakinan	√	X	
			Berdikari	√	X	
		Pengajaran Berkesan		<i>Feedback</i> dari guru	√	√
				Pembentangan (Presentation)	√	√
				Pengajaran menarik	√	√
				Penyelesaian masalah	√	X
				Pelajar beri tumpuan	√	X
				KBKK	√	X
				Perkongsian maklumat	√	√

Jadual di atas menunjukkan analisis keseluruhan dari temu bual yang dijalankan terhadap kedua-dua kumpulan. Keterangan terperinci dari dapatan analisis berkenaan dapat dilihat pada bahagian yang berikutnya.

a. Pemupukan Nilai

Bagi sub-tema bekerjasama, kajian mendapati bahawa kursus Pengajian Islam yang mereka lalui sepanjang satu semester dapat memupuk nilai “bekerjasama” antara ahli di dalam kumpulan. Hal ini diakui sendiri oleh peserta kajian PKE2 semasa menggambarkan nilai bekerjasama di dalam kumpulan tugas mereka. Walaupun pada awalnya sikap bekerjasama

ini sukar dan kurang dipraktikkan dalam kalangan ahli di dalam kumpulan, namun nilai bekerjasama ini semakin menyelerah apabila tugasan semakin bertambah. Menurut beliau;

“...Permulaannya memang tidak kerana hanya satu pihak sahaja yang membahagi data tersebut. Dan pada minggu kedua kami semakin mempunyai satu misi iaitu bekerjasama. Dan pada minggu ketiga pula kami berani untuk membahagi satu cadangan bersama-sama. Dan pada minggu ke empat berani pula untuk mengatakan sesuatu yang baru. Dan minggu kelima dan seterusnya, sahabat-sahabat tersebut mempunyai pandangan tersendiri. Bukan sahaja pada satu individu, malahan ketiga-tiga individu itu bekerjasama membahagi pendapat yang sangat bernas...”

Begitu juga dengan kumpulan kawalan, majoriti peserta kajian bersetuju menyatakan bahawa mereka “terlibat sama” dalam menyelesaikan setiap tugasan yang diberikan. Semasa sesi perbentangan, terdapat kumpulan yang memberikan maklumbalas terhadap apa yang mereka bincangkan di dalam perbentangan. Walau bagaimanapun, mereka turut mendakwa sering menghadapi “kekurangan masa” untuk menyiapkan tugasan. Hal ini menyebabkan sesi perbentangan tidak begitu menarik tanpa perhatian dan maklum balas dari pelajar kerana terdapat beberapa kumpulan yang masih menyiapkan tugasan yang diberi. Menurut PKK1:

“...Tapi kadang-kadang ada lah sesetengahnya, waktu kami membentangkan, ada yang tidak fokus mendengar sebab masih kadang-kadang masa yang diberikan tidak cukup...”

“...diorang masih *search* untuk diorang punya pembentangan...”

Hal ini turut dipersetujui oleh PKK2, di mana beliau percaya jika masa ditambah untuk menyiapkan tugasan dapat menjadikan pelajar lebih bersikap kerjasama. Menurut beliau;

“...Kalau sekiranya masa lebih lagi, mungkin semuanya, macam pelajar dan pembentangan tu boleh macam berkolaborasi, mendengar, apa...”

Berbeza dengan kumpulan eksperimen, isu kekurangan waktu tidak timbul kerana pembahagian tugas telah berjaya diagihkan dan setiap ahli dalam kumpulan berperanan dalam membantu ahli-ahli yang lain. Walaupun pelajar di dalam kumpulan eksperimen turut menghadapi masalah pada peringkat awal untuk penyesuaian, namun pada peringkat yang berikutnya, dilihat masalah ini telah diatasi dengan sebaiknya. Ini menunjukkan bahawa penggunaan komunikasi berkesan menerusi PBL meningkatkan kualiti masa dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini diakui oleh peserta kajian PKE1 di mana sikap menerima pandangan orang lain dapat menjadikan kerjasama semakin meningkat dari semasa ke semasa. Kata beliau;

“So, *basicly* kami punya *answer* tu *more* to kami punya *research*, but then sudah lama-lama sudah kami biasa, kami sendiri yang membagi idea tu, *not only* daripada apa yang kami *research*, tapi *based-on* pengalaman, bila soalan kena bagi, kami buat sendiri and lepas tu kami share our answer and mana yg sama kami temukan. But *mostly*, jawapan kami berbeza. So in da lagi malu-malu

apa, we *try to* under satu mindalah. Untuk memberikan jawapan yg baiklah. Ada pulang *a bit* perubahan, tapi itulah macam, kami berubah *to* jadi yang lagi baiklah daripada sebelum kami, daripada yang minggu pertama tulah. Minggu yang akhir-akhir tu kira *oklah* sudah tu...”

Semasa pemerhatian dilaksanakan, pengkaji telah melihat bagaimana sikap kerjasama itu berlaku di dalam kedua-dua kumpulan. Setiap ahli di dalam kedua-dua kumpulan telah memainkan peranan untuk menyelesaikan tugas yang diberikan. Namun, disebabkan dimensi tugas adalah berbeza menyebabkan proses untuk menyiapkan tugas turut berbeza dan ketara.

Kumpulan kawalan turut menggunakan kaedah tugas di dalam kumpulan, jadi mereka turut melaksanakan perbentangan di dalam bilik darjah. Melalui pemerhatian yang dijalankan, kumpulan eksperimen diberikan tugas untuk menyelesaikan masalah dalam konteks kehidupan sebenar manakala kumpulan kawalan masih lagi diberikan tugas yang berbentuk teori dan konsep sahaja.

b. *Kepuasan Diri*

Sub-tema yang kedua adalah berkaitan dengan kepuasan pelajar terhadap proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji telah mendapati bahawa, aspek ini terdapat kepada kedua-dua kumpulan pelajar. Namun, aspek ini lebih menyerlah terhadap pelajar kumpulan eksperimen. Majoriti daripada peserta kajian (PKE1, PKE2 & PKE4) menyatakan bahawa mereka “puas hati” dengan penggunaan komunikasi berkesan menerusi PBL di dalam kursus Pengajian Islam. Bahkan peserta kajian PKE2 menjelaskan bahawa komunikasi berkesan menerusi PBL adalah “sangat unik” dan “menarik hati” para pelajar. Kata beliau;

“...Memang cukup berpuas hati, siapa yang tidak berpuas hati rugilah. Kerana pembelajaran itu, sangat unik bagi kami, dan menarik hati pada penuntut-penuntut terutamanya kepada belia-belia yang mempunyai masalah-masalah, masalah Islamik-la...”

Selain itu, peserta kajian PKE2 menyatakan bahawa pengalaman melalui komunikasi berkesan dalam kursus ini adalah “berbeza” dengan pembelajaran sebelum ini. Komunikasi berkesan menerusi PBL lebih menumpukan kepada “*problem solving*” dan mereka “dapat membincangkan cara-cara untuk menyelesaikan masalah” di dalam kumpulan. Senario-senario masalah yang diberikan juga merupakan “sesuatu yang tidak pernah kami ketahui, jadi kami sentiasa berwaspada dengan apa yang terjadi.” Begitu juga dengan peserta kajian PKE1, penggunaan komunikasi berkesan menerusi PBL menjadikan diri beliau lebih “berani” dan meningkatkan “keyakinan diri” terutamanya di dalam sesi perbincangan dan membentangkan tugas di hadapan bilik darjah. Menurut PKE1;

“...saya sendiri pun puas hati, ani kira first timelah belajar dalam pembelajaran seperti kursus PBL ani ah. *Its different* dari pembelajaran yang dulu. *And* PBL ani membuat kami yang mcm pemalu, ada yang inda berani *so* arah PBL ni kan ada *presentation, that makes* yang kami yang pemalu ani, ataupun inda berani untuk bersuara memberanikan diri untuk, *explore ourself* dengan orang ramai. Membiasakan diri *present* di hadapan kelas. *Which is in every class* kami mem-

present, so dari minggu ke minggu, boleh dilihat perbezaannyalah dari kami yang malu, sampai kami *inda malu* (ketawa kecil). *So*, itu sebenarnya baguslah sebab student yang *inda active* pun jadi mahu bercakap, mahu bagi pandangan macam tu...”

Peserta kajian PKE2 turut mengakui bahawa komunikasi berkesan yang digunakan di dalam kursus bukan sahaja meningkatkan “keyakinan diri” malahan juga memupuk “sikap” untuk “menyelesaikan masalah” atas usaha sendiri dan “tidak bergantung” kepada orang lain. Hal ini dapat dilihat melalui pernyataan yang dijelaskan oleh peserta kajian PKE2;

“...memang banyak perbezaan pembelajaran biasa dan menggunakan pembelajaran PBL sepertimana yang kita alami ialah cara untuk mencari *problem solving* kami lebih kepada solving daripada meminta pendapat dari guru-guru. Kami mempunyai *attitude* yang mengkaji sendiri dan tidak bergantung kepada org lain untuk mencari masalah yg diajukan. *So*, dari apa yang kami praktikkan dari PBL ianya lebih berkonsepkan kepada pembelajaran yang mempunyai keyakinan kepada penuntut tersebut. Bukan bergantung kepada pensyarah ataupun pengajar, jadinya memang jauh berbeza pembelajaran PBL, *so* dari segi keyakinan student dan dari segi *problem solving* dan juga dari segi cara pengajaran amat berbeza...”

Berbeza dengan pelajar kumpulan kawalan, perasaan “puas hati” turut diutarakan namun dari perspektif yang sebaliknya. Peserta kajian PKK2 dan PKK3 menyatakan bahawa mereka “tidak puas hati” dengan kursus Pengajian Islam yang dilaluinya pada semester berkenaan. Peserta kajian PKK1 menyatakan bahawa kursus Pengajian Islam hanya mengajar mereka “topik-topik tertentu” sahaja sepanjang satu semester. Manakala peserta kajian PKK2 turut menambah bahawa kursus Pengajian Islam yang dilaluinya memberikan pengetahuan agama, namun ianya seperti tidak menyeluruh. Kata beliau;

“...macam kami ada belajar pasal agama, tapi *inda* semua pasal agama tu kami *cover*...”

Apabila isu ini ditimbulkan, pengkaji cuba merungkai apakah faktor yang menyebabkan perasaan “*inda* puas hati” ini terjadi dengan mengajukan persoalan yang lebih mendalam. Kemudian, peserta kajian PKK1 cuba menyatakan harapan yang mereka inginkan dalam kursus Pengajian Islam ini. Beliau memberi cadangan supaya kursus Pengajian Islam seharusnya perlu memasukkan kandungan “sejarah kehidupan Nabi”, pandangan Islam untuk mengatasi “pengaruh barat” dalam isu-isu yang dibangkitkan seperti “bertudung” dan sebagainya. Pernyataan penuh peserta kajian PKK1 dapat dilihat menerusi pernyataan di bawah;

“...mungkin tentang sejarah kehidupan Nabi, pengajaran kepada sekarang, mcm ada kadang-kadang kira banyak memberi pengajaran, kepada sejarah yang baru itu supaya tidak akan berulang lagi...”

...Misalnya macam banyak sudah pengaruh barat, tercampur, macam pengaruh barat tu macam perempuan banyak yang tidak bertudung, macam tu. Kitani bagitahulah pandangan Islam, macam kenapa bertudung itu. Bertudung boleh melindungi wanita daripada... menjaga maruah, menjaga keindahan, menjaga kehormatan, atulah...

...Bagi orang lain, pandangan orang masa kini, macam pandangan orang kalau tidak bertudung itu pandangan orang biasa bah. Tapi pandangan Islam sebenarnya, tidak eloklah. Sebetulanya..."

Melalui pernyataan di atas ini, pengkaji dapat melihat bahawa keperluan dan harapan pelajar kumpulan kawalan terhadap kandungan kursus Pengajian Islam adalah tinggi. Mereka mempunyai kehendak dan keinginan untuk mendapat pendedahan dari isu-isu semasa dalam pembelajaran Pengajian Islam. Mereka turut mengharapkan agar pembelajaran Pengajian Islam mengandungi sejarah-sejarah Islam terutamanya berkaitan dengan para Nabi dan pada masa yang sama mengaitkan dengan situasi yang berlaku pada masa kini.

c. Pengajaran Berkesan

Sub-tema yang dikenalpasti seterusnya adalah aspek pengajaran berkesan. Kedua-dua kumpulan pelajar memberikan maklum balas terhadap pembelajaran yang mereka lalui sepanjang satu semester dalam kursus Pengajian Islam. Bagi kumpulan kawalan, elemen "presentation" diberi perhatian yang tinggi dalam menyempurnakan tugas yang diberikan. Dalam usaha untuk menyempurnakan tugas yang diberikan oleh pensyarah, mereka perlu "mencari" maklumat secara "lebih mendalam" sebagai persediaan sebelum sesi perbentangan dilakukan diakhir tugas. Hal ini diakui oleh peserta kajian PKK2 dan PKK3 semasa memberikan maklum balas terhadap pengajaran dan pembelajaran yang mereka lalui.

Selain itu, "feedback" yang diberikan pensyarah menjadikan mereka lebih bersemangat untuk membetulkan kesilapan di dalam tugas. Tambahan pula, peserta kajian PKK1 mengakui bahawa tugas yang diberikan menjadikan pelajar "lebih mencari sendiri" daripada hanya "observe" atau pasif di dalam bilik darjah. Ini menunjukkan bahawa tugas perbentangan yang diberikan mewujudkan suasana pembelajaran sendiri atau *self-learning*. Sebagaimana penjelasan yang diberikan oleh peserta kajian PKK2, iaitu;

"...kadang-kadang kalau macam student harapkan cikgu saja bagi ilmu, kadang-kadang payahkan masuk. Kita ni *observe* sajakan. Sebab tu kata cikgu khairiah, ia bari kami peluang untuk bagi membentangan, supaya kami lebih mencari sendirilah..."

Kesemua peserta kajian kumpulan kawalan turut menyatakan bahawa mereka "tertarik" dengan gaya pengajaran pensyarah mereka. Penggunaan "*body language*" dan "cara percakapan" yang menarik dan ketara oleh pensyarah menyebabkan peningkatan fokus dalam bilik darjah. Bagaimanapun, bagi pelajar kumpulan eksperimen pula, peningkatan fokus itu turut berlaku dalam diri pelajar tetapi dalam keadaan yang berbeza. Menurut peserta kajian PKE1, komunikasi berkesan menerusi PBL bukan sahaja "menarik" malahan ianya turut memberikan pembelajaran yang "berbeza" daripada biasa.

Majoriti peserta kajian kumpulan eksperimen bersetuju untuk menyatakan bahawa penggunaan komunikasi berkesan dalam PBL dapat meningkatkan “tumpuan” dan mengelakkan diri dari rasa “mengantuk” di dalam bilik darjah. Peserta kajian PKE3 menyatakan bahawa komunikasi berkesan menerusi PBL yang dilaluinya “memaksa perhatian pelajar” untuk fokus dalam “menyelesaikan masalah” di dalam sesebuah tajuk. Peserta kajian PKE4 turut bersetuju dengan pernyataan ini, beliau turut mengakui bahawa “tumpuan” pelajar dapat ditingkatkan. Sebaliknya, penggunaan kaedah biasa boleh menyebabkan beliau “lupa” apa yang dipelajarinya. Keadaan ini dapat dijelaskan melalui apa yang dilalui oleh peserta kajian PKE3 semasa berada di dalam bilik darjah. Kata beliau;

“...senario-senario itu, ia dapat tolong saya menumpukan pada kerja, dan ampitkan saya kerja dalam *based* saya sendiri. Sekiranya *lecturer* dulu yang membaca sendiri atau cikgu mengajar di depan saja, boleh hilang tumpuan...”

Peningkatan tumpuan dan perhatian pelajar di dalam kelas ini berlaku disebabkan oleh teknik yang diterapkan di dalam kursus berkenaan. Menurut peserta kajian PKE1 dan PKE4, kaedah “*critical thinking*” yang diterapkan di dalam pembelajaran menjadikan mereka cuba untuk berfikir “*out of the box*” di samping dapat “berkongsi” maklumat baru dalam proses menyelesaikan masalah di dalam sesebuah senario yang diberikan. Kata PKE1;

“...PBL ni membuatkan *student* mahu untuk *explore the idea*. Maksudnya *idea* tu boleh, *since* ia *in group* so PBL ni *basically* ia mengajar *student* untuk berfikir *like, out of the box and, basically like sharing ideas* dengan yang lainlah. So, pendapat tu bukan satu sajalah. Kitani boleh menilai and mendapat jawapan jua dari *student-student* yg lain...”

Kesan Kursus Pengajian Islam Terhadap Diri

Sepanjang para pelajar melalui kursus Pengajian Islam, terdapat dua kesan yang utama dapat dikenalpasti iaitu terhadap kefahaman agama dan kesan terhadap tingkahlaku akhlak. Kedua-dua kesan ini adalah berkaitan dengan perubahan dalam diri mereka. Berikut dijelaskan bagaimana keberkesanan kursus Pengajian Islam terhadap kefahaman agama dan akhlak. Secara umumnya, tema dan sub-tema bagi maklum balas kedua-dua kumpulan dapat dilihat menerusi jadual di bawah.

Jadual 3: Tema Utama dan Sub Tema Analisis Temu bual berkaitan kesan kursus terhadap diri pelajar

Bil	Tema Utama	Sub Tema	Keterangan	Kumpulan Eksperimen	Kumpulan Kawalan
2.	Kesan Kursus Terhadap Diri	Kefahaman Agama	Meningkatkan pengetahuan	√	√
			Bantu fahami agama	√	√
		Perubahan Akhlak	Dapat mengambil iktibar	√	X
			Memberi nasihat	√	X
			Menghayati nilai	√	X
Memberi panduan	√	X			

Jadual di atas menunjukkan analisis keseluruhan dari temu bual yang dijalankan terhadap kedua-dua kumpulan bagi tema kesan terhadap diri pelajar. Keterangan dari dapatan analisis berkenaan dapat dilihat pada bahagian yang berikutnya.

a. Kesan Terhadap Kefahaman Agama

Sepanjang satu semester mempelajari kursus Pengajian Islam, kedua-dua kumpulan mengakui bahawa "*pengetahuan agama*" dalam diri mereka semakin meningkat. Bagi pelajar kumpulan kawalan, pembelajaran kursus Pengajian Islam menjadikan "*kefahaman agama*" dalam diri mereka semakin meningkat. Ini diakui sendiri oleh kesemua peserta kajian. Tambahan pula, ilmu-ilmu yang dipelajari "*membantu*" mereka "*memperkembangkan lagi*" ilmu pengajian Islam secara "*lebih luas.*" Bagi peserta kajian PKK2 pula, pengalaman menyelesaikan tugas berkaitan dengan "*Al-Quran*" memberi kesan ke dalam diri beliau sehingga dapat "*menyenangkan hati.*" Hal ini menunjukkan bahawa pelajar kumpulan kawalan berjaya meningkatkan ilmu pengetahuan sehingga terkesan dalam diri mereka.

Begitu juga dengan pelajar kumpulan eksperimen, kursus Pengajian Islam dapat meningkatkan "*pengetahuan agama*" dalam diri mereka. Menurut peserta kajian PKE3, "*senario*" yang disediakan di dalam kursus menjadikan "*kefahaman agama*" dalam diri semakin meningkat. Beliau turut mendakwa bahawa salah faham terhadap konsep agama sebelum ini berjaya diperbetulkan melalui pembelajaran yang dilalui. Menurut beliau, "*...dengan adanya kerjasama dan maklumat yang didapati oleh teman-teman, saya dapat lebih memahamilah apa yang ilmu yang saya tiada dulu, atau salah faham dulu...*" Hal ini turut diakui oleh peserta kajian PKE1 dimana beliau merupakan seorang saudara baru dapat mengikuti pembelajaran dan menimba ilmu pengetahuan serta pengalaman yang bermakna sepanjang mengikuti kursus Pengajian Islam menerusi PBL. Kata beliau;

"...kalau bagi saya memang meningkatkan kefahaman agamalah sebab saya sendiri pun kurang arif jua. Saya baru memeluk agama Islam baru setahun, jadinya dulu belajar agama, cuma anda berapa banyakkah. Jadi dari PBL ini, mana yang saya anda tahu, kebanyakannya saya tahulah. Macam ada hadis yang kena *share* tu kan, *even* saya sendiri macam anda pernah dengar, mengetahuilah barang-barang itu. *And then* macam kalau apa-apa soalan saya tanya, jadi bagi saya memang itulah meningkatkan kefahaman agama bagi orang yang anda semestinya untuk orang yang anda tahulah saja. *Maybe* menambah ilmu pengetahuan bagi yang tahu jua..."

b. Kesan Terhadap Akhlak

Sub tema '*kesan terhadap akhlak*' merupakan antara fokus utama kajian ini dilaksanakan. Bagi tema ini, pengkaji telah mengenalpasti bahawa pelajar kumpulan eksperimen lebih terkesan berbanding dengan pelajar kumpulan kawalan. Walaupun dapatan analisis tahap penerapan nilai (kuantitatif) menunjukkan bahawa kedua-dua kumpulan mempunyai peningkatan min, namun ianya begitu abstrak untuk dihuraikan. Sebahagian dapatan berkenaan dapat dilihat melalui apa yang dinyatakan oleh pelajar semasa mereka ditemu bual.

Bagi pelajar kumpulan kawalan, mereka hanya memberikan pandangan secara umum terhadap perubahan akhlak dalam diri seseorang individu. Mereka tidak mengaitkan diri mereka sama ada mengalami perubahan atau pun tidak. Menurut peserta kajian PKK3,

perubahan akhlak itu “*bergantung*” kepada para pensyarah yang mengajar mereka. Perkara ini turut diakui oleh peserta kajian PKK2, di mana beliau cuba mengaitkan dengan kaedah pengajaran yang digunakan. Beliau juga menyarankan agar pengajaran pensyarah perlu “*touching*” untuk memberi kesedaran terhadap diri pelajar. Peserta kajian PKK1 pula menyatakan bahawa perubahan terhadap akhlak memerlukan “*masa*” yang tertentu bagi seseorang individu. Menurut beliau;

“...dari aspek akhlak, itu terpulang kepada individu sendirilah. Tapi apa yang saya nampak, setelah pelajar belajar tentang pengajian Islam, walaupun dalam sehari dua, ada jugalah macam diorg tu berubah. Sedikit demi sedikit. Tapi sudah ingin, jarak sudah belajar pengajian Islam, balik semula kepada yang asal...”

Berbeza dengan pelajar kumpulan eksperimen, perubahan akhlak dapat dilihat dengan lebih ketara melalui apa yang mereka alami. Kesemua peserta kajian menyatakan bahawa berlaku “*perubahan*” dalam diri mereka. Menurut PKE1 dan PKE4, “*senario solat Jumaat*” yang terdapat di dalam kursus PBL memberi kesan terhadap diri mereka. Menurut peserta kajian PKE1;

“...*and* sendiri jua mahu berubah macam saya sendiri dulu lalailah. Kalau macam, kalau sembahyang atu em, lalailah. Lagi masih macam pegang *handphone* apa, *but then* sudah ada masa perbincangan sembahyang Jumaat, ada kan macam kita sana, kalau untuk kita ni macam kira berjumpa dengan Allah tu, kalau boleh jangan ada *handphone* lah. Simpanlah ke siring, macam atu, untuk dunia saja. *So* daripada sana jua, saya sendiri cuba untuk berubahlah, kalau macam kami kan solat apa, dibiarkanlah saja dulu...”

Peserta kajian PKE4 juga mengalami keadaan yang sama. Jelas beliau;

“...ada tu senario sembahyang Jumaat, *so* ia sembahyang Jumaat tu, datang masjid, *mobile* apa... (tangan mengisyaratkan bermain dengan *phone*), mcm cerita sama kawan, terus masa ni, *mobile* tu tinggalkanlah...”

Selain itu, peserta kajian PKE1 dan PKE2 turut menyatakan bahawa beliau banyak “*mengambil iktibar*” dari “*perkongsian*” dan “*cerita*” dari rakan-rakan semasa sesi pembentangan. Malahan, peserta kajian PKE1 menyatakan bahawa perkongsian yang diberikan ini menyuntik “*semangat*” dan “*dorongan*” untuk dalam diri mereka. Peserta kajian PKE2 turut menjelaskan bahawa “*dorongan*” untuk memberi “*nasihat*” semakin kuat di dalam hati. Beliau cuba mengaitkan satu senario yang terdapat di dalam kursus ini. Kata beliau;

“...Sepertimana saya cakapkan tadi seorang abang teks dengan seorang gadis dengan perkataan yang tidak sepatutan. Jadi daripada sana, kami dapat melihat bukan saya-saya juga dapat merasai. Bukan dapat merasai, saya juga pernah mengalami situasi tersebut. Tapi bukan saya main *text* lah. Abang saya. Tapi saya tidak berani memberi nasihat. Jadi dengan adanya senario yg diberikan, saya semakin ada pendirian untuk mencuba sesuatu yang baik untuk

bersama. Sepertimana memberi nasihat kepada si abang dan juga meminta pendapat kepada ibu bapa. Mengusahakan, muhasabah diri dan sebagainya. Kebanyakannya saya kalau tidak tahu sesuatu, saya selalu bertanya kepada bapa sayalah dengan minta pendapat sama ada benda itu lurus atau tidak...”

Daripada beberapa keadaan yang diberikan ini, dapatlah pengkaji mengetahui bahawa “nilai” yang diterapkan itu berlaku namun ianya tidak dapat dizahirkan melalui pandangan mata kasar. Dari perspektif pelajar kumpulan eksperimen pula, mereka turut mengakui bahawa “nilai-nilai murni” itu diterapkan secara tidak langsung semasa pengajaran dan pembelajaran menerusi PBL. Hal ini diakui oleh peserta kajian PKE2, “...nilai-nilai murni itu wujud dengan sendirinya. Bukan dengan ada jemputan. Tapi dia timbul dengan sendirinya dengan dorongan pembelajaran tersebutlah. Mostly, dorongan pembelajaran tersebut...” Begitu juga dengan peserta kajian PKE4, beliau menyatakan bahawa “senario” yang diberikan adalah berkaitan dengan “kehidupan,” oleh sebab itu, perbincangan dalam kursus dapat “memandu” pelajar untuk mengetahui apakah “tindakan” yang perlu dilakukan.

PERBINCANGAN

Banyak kajian-kajian lepas telah dijalankan dan ternyata bahawa penggunaan komunikasi berkesan menerusi PBL dapat mewujudkan suasana pembelajaran aktif, meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi, memberi peluang menambah keyakinan, menguatkan semangat bekerjasama dan sebagainya (Jonassen, 1999; Wan Syafii, 2014). Walau bagaimanapun, kajian ini telah meneroka kesan terhadap pemboleh ubah yang baharu iaitu impak komunikasi menerusi PBL terhadap pemupukan nilai, kepuasan diri dan pengajaran yang berkesan.

Penggunaan komunikasi berkesan menerusi PBL ini memberi impak terhadap diri mereka dari aspek peningkatan kefahaman agama dan perubahan akhlak. Walaupun kajian ini tidak menguji tahap pengetahuan pelajar secara terperinci sama ada meningkat atau pun tidak, namun para pelajar mengakui bahawa kursus Pengajian Islam yang diikuti oleh mereka dapat meningkatkan pengetahuan dalam ilmu agama. Bagaimanapun, McGregor et al. (1995) menafikan bahawa komunikasi berkesan menerusi PBL dapat memindahkan ilmu pengetahuan dalam diri pelajar. Hal ini turut diakui oleh Sendag dan Odabasi (2009) di dalam kajian mereka. Kajian mereka telah mendapati bahawa proses pemindahan maklumat ke dalam diri pelajar tidak mempunyai kesan yang ketara berbanding dengan kemahiran berfikir secara kritikal. Oleh sebab itu, McGregor et al. (1995) menyarankan agar para pendidik menggabungkan komunikasi berkesan menerusi PBL dengan cara yang lain bagi mengatasi perkara ini.

Melalui temu bual yang dijalankan juga, majoriti peserta kajian mengakui bahawa mereka belajar sesuatu yang berbeza. Kenyataan seperti dapat “memberi nasihat” kepada rakan-rakan lain dan dapat “mengambil iktibar” dari senario yang diberikan menerusi PBL menjelaskan bahawa para pelajar sedang mengalami perubahan ke arah yang lebih baik. Tambahan pula, kursus menerusi PBL ini berjaya “memberi panduan” kepada pelajar dalam membuat sebarang keputusan dalam kehidupan. Menurut Amla (2008), tindakan yang dijelmakan sama ada perbuatan baik atau pun buruk adalah bergantung kepada sistem dalaman. Sistem dalam ini merupakan penentu yang dapat mengawal tingkah laku seseorang ke arah perbuatan yang baik atau pun sebaliknya.

Selain dari itu, pelajar turut dilihat berpuas hati dengan pelaksanaan kursus Pengajian Islam sepanjang satu semester berkenaan. Antara faktor utama yang menjadi penyumbang terhadap kepuasan diri pelajar adalah disebabkan oleh memberi peluang kepada mereka untuk meningkatkan keyakinan diri dan memupuk sifat berdikari. Hal ini diakui oleh Jones (2008) dimana kajian beliau telah mengenalpasti bahawa para pelajar yang telah mengikuti kursus kejuruteraan secara PBL memiliki keyakinan yang tinggi terutamanya dalam kemahiran berkomunikasi dan memberikan idea. Penyediaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang sempurna turut menyebabkan pelajar berasa selesa dalam pengajaran dan pembelajaran (Nawi, Zakaria, Hashim, Mahalle & Chua, 2020).

Di samping itu juga, pemupukan sifat berdikari turut dikenalpasti oleh beberapa orang pengkaji. Kajian Kivela dan Kivela (2005) mendapati bahawa sikap pengaturan sendiri pelajar dapat ditingkatkan melalui pembelajaran secara PBL. Manakala kajian oleh Sungur dan Tekkaya (2006) pula telah mendapati bahawa sikap pembelajaran sendiri pelajar turut dapat ditingkatkan melalui kaedah yang sama. Ini menunjukkan bahawa pembelajaran secara PBL bukan sahaja dapat membantu pelajar untuk lebih bersikap berdikari dalam memandu pelajar untuk merancang pembelajaran mereka malahan, kaedah ini juga dapat dan menetapkan matlamat pembelajaran dalam usaha pencarian maklumat. Pada masa yang sama, penggunaan masa dalam pembelajaran perlu dijaga dengan baik bagi memastikan setiap kumpulan dapat menyelesaikan masalah yang diberikan.

Selain itu, aspek amalan pengajaran turut diberikan keutamaan dalam pelaksanaan komunikasi berkesan menerusi PBL ini. Antara faktor yang memberi penyumbang terhadap amalan pengajaran di dalam kajian ini adalah penerapan kemahiran berfikir aras tinggi yang melibatkan kemahiran berfikir secara kritikal, berfikir secara kreatif dan kemahiran menyelesaikan masalah. Kajian-kajian lepas kekal menyatakan bahawa penggunaan PBL dapat mempengaruhi hasil pembelajaran pada masa yang sama menyediakan kemahiran berfikir aras tinggi, pemikiran kreatif, penyelesaian masalah, pemikiran logik dan membuat keputusan (Faridah, 2009; Juba & Ricca, 2014; Sendag & Odabasi, 2009; Tarhan & Acar-Sesen, 2013; Wan Syafii, 2014). Hal ini jelas menunjukkan bahawa kesemua elemen ini diperlukan dalam komunikasi berkesan dan merupakan kemahiran yang diperlukan untuk mewujudkan sebuah platform pembelajaran pada abad ke-21.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini telah memberi sumbangan dari sudut bukti empirikal bahawa penggunaan komunikasi berkesan menerusi PBL bukan sahaja meningkatkan kefahaman agama dalam kalangan pelajar, malahan ianya turut memberi kesan terhadap peningkatan tahap pemupukan nilai. Ini merupakan kaedah alternatif yang boleh diketengahkan dan diberi pendedahan kepada para pendidik dalam bidang Pengajian Islam di dalam pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan dalam bilik darjah.

Komunikasi berkesan menerusi PBL ini boleh diadaptasi, disesuaikan dan digunakan di institusi-institusi pendidikan bermula dari pra-universiti sehinggalah ke peringkat universiti. Malahan, pusat latihan yang melatih kakitangan kerajaan dan swasta turut boleh menggunakan konsep komunikasi berkesan menerusi PBL ini yang berasaskan kepada masalah. Hal ini kerana, selain daripada memberi pengetahuan kepada para pengguna, kursus Pengajian Islam menerusi PBL ini turut mencabar akal dan minda pengguna yang menjurus kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Ianya turut boleh dikatakan sebagai

sebuah kursus yang menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi ke arah pembangunan insan yang holistik.

Dengan mengaplikasikan strategi pembelajaran ini, para pelajar bukan sahaja dapat memahami sesuatu pembelajaran dengan baik, malahan nilai-nilai Islam dapat diterapkan secara tidak langsung. Pada masa yang sama penggunaan strategi pembelajaran ini menjadikan mereka terlibat secara aktif, bekerjasama dengan rakan-rakannya yang lain, menambah keyakinan diri, saling mengemukakan idea seiring dengan tuntutan pembelajaran semasa pada abad ke-21.

Dengan pelaksanaan komunikasi berkesan menerusi PBL ini, pelajar diharapkan lebih berhati-hati dalam membuat sebarang keputusan dan mempunyai pertimbangan sebelum melakukan apa-apa tindakan. Ini nilai yang sukar untuk diterapkan yang memberi impak yang besar dalam kehidupan mereka. Kajian yang dijalankan ini hanya melihat keberkesanan kursus dalam menerapkan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar. Dicadangkan pada kajian pada masa hadapan agar mengambil kira juga impak komunikasi berkesan menerusi PBL terhadap pertimbangan moral pelajar. Pengkaji mencadangkan untuk melihat kesan terhadap pertimbangan moral kerana ianya penting dalam menentukan pola pemikiran pelajar dalam membuat pertimbangan dan keputusan terhadap sesuatu perkara yang berlaku dalam kehidupan mereka.

BIODATA

Aliff Nawī merupakan pensyarah kanan di Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Utara Malaysia, Malaysia. Emel: aliffnawi@yahoo.com

Gamal Abdul Nasir Zakaria merupakan Assoc. Professor di Sultan Hassanal Bolkiah Institute of Education, Universiti Brunei Darussalam, Brunei. Emel: gamal.zakaria@ubd.edu.bn

Norkhairiah Hashim merupakan Asst. Professor di Halalan Thayyiban Research Centre, University Islam Sultan Sharif Ali, Brunei. Emel: norkhairiah.hashim@gmail.com

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, & Mohamad Khairul Azman Ajury. (2010). Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan konsep Mu'allim. *Journal of Islamic Education*, 2(1), 43-36.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Khadijah Abdul Razak, Shahrin Awaludin, & Zamri Abdul Rahim. (2004). *Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Ab. Halim Tamuri, Khadijah Abdul Razak, & Shahrin Awaluddin. (2010). Kaedah pengajaran pendidikan Islam: Konvensional dan inovasi. Dlm. Ab. Halim Tamuri and Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (penyt.), *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam* (hal: 38-70). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia Press.
- Abdull Sukor Shaari, Abd. Rahim Romle, & Mohamad Yazi Kerya. (2006). *Beban tugas guru sekolah rendah*. Kertas kerja Seminar Kebangsaan Kepimpinan dan Pengurusan Sekolah 12-14 Februari 2006 Alson Klana Resort, Seremban.
- Aliff Naw, & Gamal Abdul Nasir Zakaria. (2016). Pembangunan & penilaian portal iPBL dalam kursus Pendidikan Islam di Politeknik Brunei. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 32(1), 261-285.
- Aliff Naw, Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff, Hafit Hidayah Ajmain, & Mohamad Raffe Ghalil Abbas. (2014). Engaging students through ICT: Strategies and challenges for using website in teaching and learning. *International Letters of Social and Humanistic Sciences*, 16(1), 49-56.
- Aliff Naw, Gamal Abdul Nasir Zakaria, Norkhairiah Hashim & Chua Chy Ren (2015) Penilaian kualiti modul iPBL: Aspek kesahan dan kebolehpercayaan. *Journal of Quality Measurement and Analysis*, 11(2), 1-10.
- Aliff Naw, Gamal Abdul Nasir Zakaria, & Norkhairiah Hashim. (2017). Tahap kefahaman pelajar terhadap penggunaan modul PBL dalam Pendidikan Islam di Politeknik Brunei Darussalam. *Sains Humanika*, 9(4), 1-7.
- Aliff Naw, Mohd Isa Hamzah, & Azwin Arif Abdul Rahim (2015). Teachers acceptance of mobile learning for teaching and learning in Islamic education: A preliminary study. *The Turkish Online Journal of Distance Education*, 16(1), 184-192.
- Aliff Naw, Mohd Isa Hamzah, & Surina Akmal Abd Sattai. (2014). Potensi penggunaan aplikasi mudah alih (*mobile apps*) dalam bidang Pendidikan Islam. *The Online Journal of Islamic Education*, 2(2), 26-35.
- Aliff Naw. (2017). *Pembinaan modul I-PBL untuk penerapan nilai-nilai Islam dalam kalangan pelajar* (Tesis PhD. Institut Pendidikan Sultan Hassan al-Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam).
- Amla Salleh. (2008). Menyemai nilai untuk masyarakat harapan. Dlm. Mohd Arif Ismail & Amla Salleh (penyt.), *Media penerapan dan pemupukan nilai* (hal: 1-16). Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn Bhd.
- Asy-Sya'rawi, & Sheikh Muhammad Mutawalli. (2013). *Sejarah dan kisah nabi-nabi dalam Al-Quran* (Terjemahan Muhammad Zuhirsyan & Suhendri Irandi). Selangor: Jasmin Publications Sdn Bhd.
- Barrows, H. S., & Tamblyn, R. M. (1980). *Problem-based learning - An approach to medical education*. New York: Springer.

- Cholid. (2009). Manajemen metode pembelajaran Rasulullah SAW: Studi atas Kitab Tarbiyah al-Nabi Liashabih karya Khalid Abdullah al-Qurasyi (Tesis Sarjana UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta).
- Faridah Hanim Yahya. (2009). Perisian kursus multimedia interaktif untuk mata pelajaran matematik (topik set) menggunakan pendekatan pembelajaran berasaskan masalah (PBL math-set) (Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Teknologi & Sains Maklumat. Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Halimah Kamis, Salwa Mahalle, & Aliff Nawī. (2014). Leadership style of religious school headmasters and its relationship to academic achievement in Brunei Darussalam. *Asian Social Science*, 10(3), 112-119.
- Gamal Abdul Nasir Zakaria, Salwa Mahalle, & Aliff Nawī. (2015). Kajian amalan pengajaran guru bahasa Arab sekolah menengah di Negara Brunei Darussalam. *O-JIE: Online Journal of Islamic Education*, 3(1), 32-40.
- Hasnan Kasan. (2009). Pembentukan personaliti menurut Islam. Dlm. Khairul Anwar Mastor, Hasnan Kasan, Mohamad Mohsin Mohamad Said, Fazilah Idris, & Fatin Hazwani@Hasidah Siran (penyt.), *Personaliti pembangunan insan*. Bangi: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jonassen, D. H. (1999). Constructivist learning environments. Dlm. Reigeluth C. (pnyt.), *Instructional design theories and models* (hlm. 215-239). Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Jones, M. (2008). Nursing education perspectives. *ProQuest Hospital Collection*, 29(5), 278.
- Juba, K. M., & Ricca, B. P. (2014). Design of a problem-based learning pain and palliative care elective course. *Currents in Pharmacy Teaching and Learning*, 6, 421-428.
- Kamarul Azmi Jasmi, & Ab. Halim Tamuri. (2010). *Pendidikan Islam kaedah pengajaran dan pembelajaran*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul azmi Jasmi. (2009). Sifat dan peranan keperibadian guru cemerlang pendidikan Islam (GCPI) dan hubungannya dengan motivasi pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E), 57-71.
- Kivela, J., & Kivela, R. J. (2005). Student perceptions of an embedded problem-based learning instructional approach in a hospitality undergraduate programme. *International Journal of Hospitality Management*, 24, 437-464.
- McGregor, D. B., Arcomano, T. R., Bjerke, H. S., & Little, A. G.. (1995). 'Problem orientation is a new approach to surgical education'. *American Journal of Surgery*, 170(6), 656-659.
- Mohd Isa Hamzah. (2007) The impact of educational change in Malaysian Smart Schools on Islamic Education teachers and students (PhD thesis, University of Warwick).
- Nawī, A., & Hamzah, M. I. (2013). Tahap penerimaan penggunaan telefon bimbit sebagai M-Pembelajaran dalam Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 5(1), 1-10.
- Nawī, A., Hamzah, M. I., Ren, C. C., & Tamuri, A. H. (2015). Adoption of mobile technology for teaching preparation in improving teaching quality of teachers. *International Journal of Instruction*, 8(2), 113-124.
- Nawī, A., Zakaria, G. A. N., Hashim, N., Mahalle, S., & Ren, C. C. (2020). The needs of Islamic digital resources in Polytechnic Brunei Darussalam: A preliminary study. *International Journal of Instruction*, 13(1).
- Neville, A. J. (2009). Problem-based learning and medical education forty years on. *Medical Principles and Practice*, 18(1), 1-9.

- Salahudin Suyurno, Mohd Yadman Sarwan, & Aini Faezah Ramlan. (2006). Dakwah: Isu dan cabarannya dalam era teknologi maklumat. Dlm. Salahudin Suyurno, Mohd Yadman Sarwan, & Aini Faezah Ramlan (pnyt.), *Sains dan ICT peranan dan cabaran menurut perspektif Islam* (hlm. 51-68). Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti.
- Savin-Baden, M., & Major, H. C. (2004). *Foundations of problem-based learning*. Birkshire, England: The Society for Research into Higher Education & Open University Press.
- Sendag, S., & Odabasi, H. F. (2009). Effects of an online problem based learning course on content knowledge acquisition and critical thinking skills. *Computers & Education*, 53, 132–141.
- Shahrin Awaludin. (1998). Pendidikan Islam berasaskan realiti semasa. Dlm. J. Long (pnyt), *Inovasi dalam perkaedahan pengajaran bahasa, sains sosial dan teknologi maklumat* (hlm. 151-163.) Bangi: UKM.
- Sungur, S., & Tekkaya, C. (2006). Effects of problem-based learning and traditional instruction on selfregulated learning. *The Journal of Educational Research*, 99, 307–317.
- Tarhan, L., & Acar-Sesen, B. (2013). Problem based learning In acids and bases: Learning achievements and students' beliefs. *Journal of Baltic Science Education*, 12(5), 565-578.
- Wan Ali Akbar Bin Wan Abdullah, & Nursafra Binti Mohd Zhaffar. (2011). Aplikasi kaedah inkuiri dalam pembelajaran Aqidah: kepercayaan kepada Rasul. *Prosiding International Conference on Islamic Education kali ke-2*. Anjuran Association of Malaysian Muslim Intellectuals, hlm. 755-764.
- Wan Syafii. (2014). Keberkesanan penggunaan modul pembelajaran berasaskan masalah dalam pengajaran dan pembelajaran biologi di sekolah menengah (Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia).
- Yin, R. K. (2009). *Case study research: Design and methods* (4th ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Zakaria, G. A. N., Tajudeen, A. L., Nawi, A., & Mahalle, S. (2014). Re-engineering values into the youth education system: A needs analysis study in Brunei Darussalam. *International Education Studies*, 7(5), 15-24.